



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGAWAS LOJI (B.2)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

#### **2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAWAS LOJI  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Mekanik (*Mechanical*) atau bidang bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

2. Mempunyai pengalaman menjalankan kerja-kerja pengendalian pemasangan pemeliharaan enjin diesel yang berkuasa tidak kurang dari 1 *megawatt* adalah keutamaan.

3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dalam semua aktiviti-aktiviti sistem operasi kawalan *Gas Turbine*, *Steam Turbine* dan peralatan-peralatan bersangkutan dengannya, di samping memastikan semuanya beroperasi dengan keadaan selamat;
2. Membuat keputusan dalam pengeluaran tenaga elektrik dan *load sharing* mengikut kehendak sistem operasi;
3. Mengendalikan *Gas Turbine Generator (GTG)*, *Heat Recovery System Generator (HRSG)*, *Steam Turbine Generator (STG)* startup, shutdown and sync serta membuat switching (*Low Voltage / High Voltage*);
4. Menyediakan '*permit to work*' dan melakukan *electrical and mechanical isolation*;
5. Membuat penafsiran mengenai data-data yang bersangkutan dengan sistem operasi dan melaporkan kepada pegawai atasan jika diperlukan; dan
6. Bertanggungjawab dalam mengawasi, mengarahkan dan melatih pegawai-pegawai dan kakitangan di bawahnya.